

## **TAHAP KOMPETENSI GURU BAHASA ARAB DI SABK DI MALAYSIA: SATU DIMENSI**

*(Stage Of Competence Of Arabic Teachers In Sabk In Malaysia: One Dimension)*

Awatif Abdul Rahman, Mohd Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee, Ainon Wazir, Muafah  
Sayed

### **ABSTRAK**

Kompetensi boleh ditakrifkan sebagai kemahiran generik, kemahiran asas, kemahiran utama, dan kemahiran personal yang merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran serta sikap yang menjadi asas kepada tugas atau prestasi kerja yang dipertanggungjawabkan merentasi semua bidang. Dalam senario pendidikan Malaysia, gelombang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, memberi fokus kepada meningkatkan standard profesionalisme guru, iaitu berdasarkan Standard Guru Malaysia (SGM). Dalam konteks guru bahasa Arab, kompetensi yang paling penting adalah penguasaan bahasa. Oleh itu, objektif kajian rintis ini adalah mengenal pasti tahap kompetensi bahasa guru bahasa Arab, dan menilai kompetensi guru-guru bahasa Arab di SABK Semenanjung Malaysia.. Kajian berbentuk kualitatif melalui instrumen satu set soalan ujian kompetensi guru bahasa Arab yang dibangunkan dengan merujuk kepada kriteria guru bahasa Arab yang telah dikeluarkan dan diguna pakai oleh *National Center for Assessment in Higher Education, Saudi Arabia* sebagai konstruk soalan ujian kompetensi. Domain kompetensi yang dinilai adalah pengetahuan guru dalam penguasaan tatabahasa. Tinjauan awal ini melibatkan seramai 19 responden daripada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Selangor dan 1 responden di negeri Perak. Item soalan ujian kompetensi dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21. Soalan ujian kompetensi ini telah dinilai kesahan muka dan kandungannya daripada 2 orang pakar penilai. Oleh itu, dapatan tinjauan awal ini menunjukkan bahawa tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK berada pada tahap sederhana. Beberapa cadangan dikemukakan di akhir kajian untuk penambahbaikan dan pemurnian tahap kompetensi guru Bahasa Arab di SABK sebagai pelaksana Kurikulum Bersepadu Dini.

**Kata Kunci:** Kompetensi, Guru Bahasa Arab, SABK, Malaysia, Dimensi

### **ABSTRACT**

Competency can be defined as generic skills, basic skills, key skills, and personal skills referring to the knowledge, skills and attitudes that are the basis of tasks or job performance being accounted across all fields. In Malaysia's education scenario, the first wave of the Malaysia Education Blueprint 2013-2025, focuses on improving teacher professionalism standards, based on Standard Teachers Malaysia (SGM). In the context of Arabic teachers, the most important competence is the mastery of language. Therefore, the objective of this pilot study is to identify the level of competence of Arabic language teachers, and to assess the competency of Arabic teachers in SABK Peninsular Malaysia. Qualitative study through the instrument of a set of Arabic language competence test questions developed with reference to criteria Arabic teacher who has been issued and adopted by the National Center for Assessment in Higher

Education, Saudi Arabia as a construct of competency test questions. Competency domain assessed is the knowledge of teachers in grammatical mastery. for the improvement and purification of Arabic Language teachers' competency in SABK as the implementer of the Dini Integrated Curriculum.

**Keywords:** Competence, Arabic Language Teacher, SABK, Malaysia

## **PENGENALAN**

Sejarah pembinaan dan pengenalan matapelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah di Malaysia telah melalui beberapa fasa dan peringkat. Sebagaimana perjalanan sejarah kedudukan dan peletakan matapelajaran bahasa Arab di Malaysia. Begitu juga perihal penjenamaan kategori sekolah-sekolah yang menawarkan matapelajaran bahasa Arab samada di peringkat rendah dan menengah. Akta Pendidikan 1996 telah menjelaskan status bahasa Arab di Malaysia sebagai salah satu bahasa asing bersama dengan bahasa Jepun, Jerman, atau Perancis yang boleh ditawarkan di sekolah-sekolah jika didapati munasabah dan praktik untuk berbuat sedemikian (JAPIM, 2002). Kurikulum Bahasa Arab telah digubal secara rasmi mulai 1 Januari 1977, serentak dengan itu pelaksanaan bahasa Arab dan perubahan kurikulum telah berlaku beberapa peringkat bagi memastikan kelestarian dan pengukuhan bahasa Arab di arus pendidikan di Malaysia. Justeru, kronologi bahasa Arab berlaku bermula dari sejarah, pembelajaran tidak rasmi bermula daripada pondok, kemudian diterjemahkan secara rasminya melalui akta pendidikan, pembinaan kurikulum, penawaran bahasa Arab mengikut peringkat pengajian, jelas menunjukkan kesannya adalah kepada dua penerima utama iaitu guru dan pelajar dalam merealisasikan pelaksanaan p&p bahasa Arab. Pengukur kepada keberkesanan sesuatu p&p adalah berdasarkan kompetensi yang diukur terhadap guru berdasarkan antaranya pengetahuan, kemahiran dan kecekapan mengikut piawaian yang ditetapkan

## **LATAR BELAKANG**

### **Kompetensi Guru**

Kompetensi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah kelayakan, kepimpinan, kesanggupan dan kecekapan dalam melaksanakan sesuatu tugas. Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan tugas atau tanggungjawab. Ia juga dianggap sebagai piawaian yang menentukan prestasi perkhidmatan seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang disandang (Mohammed Sani Ibrahim et al, 2015). Pada Disember 2011, Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) dilancarkan sebagai rujukan dan panduan untuk memperkasa dan melestarikan guru berkualiti. SGM telah menggariskan kompetensi profesional perguruan atau piawaian yang patut dicapai guru dan keperluan yang patut disediakan agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu mereka mencapai tahap kompetensi ditetapkan (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Definisi guru profesional yang dimaksudkan adalah kemampuan dan penguasaan terhadap ilmu secara dinamik, reflektif dan mendalam serta dapat menerapkan nilai dan budaya baik secara global dalam porses p&p. (Jhon Helmi, 2015)

### **Perkembangan pendidikan bahasa Arab**

Pada peringkat permulaan, bahasa Arab sebagai bahasa perhubungan dan komunikasi melalui hubungan antara pedagang Arab dan masyarakat tempatan. Selepas kedatangan Islam, bahasa

Arab berkembang sebagai bahasa kepada agama Islam iaitu untuk memahami Islam dan menunaikan ibadah. Untuk menjamin kelangsungan peranan dan fungsi bahasa Arab, bahasa ini telah mendapat tempat di pusat pengajian Islam seperti pondok dan madrasah. Pembelajaran bahasa Arab tidak berhenti di tahap itu sahaja, bahkan berkembang dan telah diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah, menengah dan juga Institut Pengajian Tinggi. Kurikulum Bahasa Arab telah digubal secara rasmi mulai 1 Januari 1977 dengan pengambilan sebelas buah sekolah menengah agama kerajaan negeri daripada pentadbiran Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAPIM, 2002).

Selain itu, Kementerian Pelajaran juga turut membina sekolah-sekolah menengah agama yang baru dan diberi nama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Pada tahun 1981, Bahagian Pendidikan Islam (dulunya JAPIM) telah menyediakan dua Sukatan Pelajaran (SP) Bahasa Arab; satu SP telah digunakan di semua SMKA dan satu lagi digunakan di SBP terpilih. Usaha memantapkan buku teks bahasa Arab dengan menggunakan pendekatan komunikatif telah dimulakan pada tahun 1986. Manakala buku panduan guru untuk buku teks tersebut pula mula ditulis pada tahun 1988. Proses penulisan buku-buku tersebut telah dilakukan di bawah pengawasan pakar-pakar bahasa Arab dari The Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO). Pada 12 Jun 1991, Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) telah mengubah nama mata pelajaran Bahasa Arab kepada Bahasa Arab Komunikasi (BAK). Selain itu, JKP juga telah meluluskan mata pelajaran baru iaitu Bahasa Arab Tinggi (BAT) untuk dilaksanakan mulai 1992. Program j-QAF dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2005. Meskipun bahasa Arab dilihat sebagai salah satu dari empat komponen j-QAF, namun ketiga-tiga komponen lain amat menyumbang ke arah pemerolehan bahasa. Senario di atas menunjukkan bahawa pendidikan bahasa Arab di Malaysia bukan sahaja mempunyai sejarah yang panjang dan kukuh berakar umbi di bumi Malaysia, malah ia mempunyai masa depan yang amat cerah dan menyakinkan.

### **Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa Arab di Malaysia**

Pembelajaran nahu dalam mana-mana bahasa di dunia merupakan mukadimah yang sangat penting untuk membetulkan penggunaan bahasa. Pendekatan yang tepat dalam pengajaran bahasa Arab ialah mengajar bahasa tersebut dengan fungsinya yang menyeluruh sebagai bahasa ilmu yang sentiasa hidup dan berkembang dalam kehidupan bermasyarakat. (Ahmad Kilani Mohamed 2001). Penguasaan bahasa Arab secara bersepadu akan dapat dicapai melalui pembelajaran bahasa Arab secara menyeluruh. Pembelajaran bahasa Arab perlu melalui pemerinkkatan yang bermula daripada pembelajaran di peringkat sekolah rendah, diikuti sekoah menengah dan seterusnya di peringkat universiti. Pemerinkkatan cara pembelajaran bahasa dimulai dengan mudah, pertengahan dan tinggi yang memecahkan persoalan-persoalan rumit yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab secara terperinci.

Pembelajaran qawaid yang cabangnya adalah nahu dan saraf perlu dilaksanakan melalui kaedah latih tubi menggunakan lafaz-lafaz, ayat dan ibarat secara betul mengikut nahu yang tepat akan membina kemahiran penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar dan mengurangkan kesalahan dari segi penggunaan bahasa. Pembelajaran ini juga wajar diberi nafas baharu dengan menghubungkan pembelajaran tersebut dengan pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh pelajar dapat membina kesedaran bahawa pembelajaran bahasa mempunyai matlamat dan bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat tersebut. Latih tubi melibatkan aspek penulisan dan pertuturan. Guru seharusnya mengelak pelajar daripada menghafal sebagai satu cara menguasai bahasa Arab. Aspek susah senang pembelajaran qawaid merujuk kepada bagaimana kaedah pembelajaran bahasa tersebut dipraktikkan, sejauh mana kemahiran guru

dan juga sejauh mana kesediaan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran bahasa Arab. Guru juga perlu mengambil kira tahap persediaan dan keupayaan pelajar untuk memilih beberapa kaedah supaya dapat dimanfaatkan oleh semua pelajar.

### **Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)**

Sebagai usaha kerajaan untuk membantu dan memperkasakan sekolah-sekolah agama di Malaysia, sesetengah Sekolah Menengah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat telah didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Rancangan ini pernah dicadangkan pada tahun 2002 oleh YB Menteri Pelajaran, dan dicadangkan semula oleh Jawatankuasa Khas Tan Sri Murad pada Ogos 2004. SABK diwujudkan dengan tujuan untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran, pengurusan sumber manusia, serta prasarana dan kemudahan. Sekolah-sekolah tersebut ditadbir oleh KPM dan menerima pelbagai kemudahan. Manakala pemilikan tanah dan bangunan serta kurikulum agama negeri masih dikekalkan (JAPIM,2007). Secara asasnya pada peringkat permulaan, kurikulum yang digunakan di SABK terbahagi kepada dua bentuk, iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Bu'uth al-Azhar. Pelaksanaan KBSM di SABK adalah selaras dengan status sekolah tersebut yang berada di bawah pentadbiran KPM manakala pelaksanaan Kurikulum Al-Azhar pula adalah mengambil kira kurikulum asal yang diguna pakai sebelum pertukaran status kepada SABK. Kini, kurikulum Bu'uth al-Azhar telah bertukar kepada kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang digunapakai sehingga kini.

### **Mata Pelajaran Bahasa Arab di SABK**

Mata pelajaran bagi Kemahiran Bersepadu Dini berbeza dengan subjek teras seperti Sejarah, Matematik dan sebagainya. Mata pelajaran subjek dalam Bahasa Arab yang terdapat di SABK terbahagi kepada dua pecahan iaitu menengah rendah terdiri dari tingkatan 1,2 dan 3 serta menengah atas iaitu tingkatan 4 dan 5. Bagi mata pelajaran dini untuk peringkat menengah rendah adalah:

1. Usul al-din
2. Al-Syariah
3. Al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah (LAM)

Manakala bagi peringkat menengah masih mengekalkan tiga mata pelajaran tersebut. Namun terdapat beberapa tambah mata pelajaran seperti:

1. Manahij al-'Ulum al-Islamiyyah
2. Al-Adab wa al-Balaghah

Justeru, setelah meneliti asas-asas kepada teori dan kerangka pembinaan kajian, kajian ini akan mendasari bermula daripada dasar, pengenalan terminologi, perkembangan dan pelaksana yang mendokong keseragaman dapatan yang dapat dibangunkan dan digunapakai ke arah cadangan membina kerangka kompetensi khusus bagi guru bahasa Arab sejajar dengan Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) adalah sebagai rujukan dan panduan untuk memperkasa dan melestarikan guru berkualiti. SGM telah menggariskan kompetensi profesional perguruan atau piawaian yang patut dicapai guru dan keperluan yang patut disediakan agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu mereka mencapai tahap kompetensi ditetapkan (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Keutamaan dalam polisi transformasi pendidikan perlu disusun berasaskan persetujuan umum dalam kalangan sarjana bahawa kualiti guru adalah faktor yang paling berkesan dalam kejayaan pelajar. Kajian yang dilakukan oleh (Zamri Ariffin 2014) berfokus kepada kualiti guru bahasa Arab dalam konteks Malaysia dengan menyatakan bahawa sekiranya suatu transformasi dalam pendidikan bahasa Arab hendak dimulakan di Malaysia, maka fokus utama ialah membina dan menyediakan guru yang berkualiti sekaligus mampu mendepani cabaran pendidikan semasa. Namun, sehingga kini garis panduan dan rujukan standard dan seragam bagi mengukur tahap kompetensi guru bahasa Arab secara khusus belum didapati dan dihasilkan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Manakala menurut Noorshamshinar et. al (2017); kajian beliau berfokus kepada kompetensi guru bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia menegaskan bahawa kompetensi guru merupakan faktor yang penting bagi menjayakan segala matlamat pendidikan yang ditetapkan oleh KPM. Kajian menitikberatkan kompetensi umum dan memfokuskan kepada pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Untuk menjadi seorang guru bahasa Arab yang berkompoten, guru tersebut perlulah menguasai segala aspek dan ciri-ciri pedagogi, kurikulum, penilaian, profesionalisme dan bahasa.

Kajian yang dijalankan oleh Maimun Aqsha Lubis et.al(2014) berfokus kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Antara salah satu daripada objektif kajian adalah mengenal pasti amalan pengajaran guru bahasa Arab di SABK menunjukkan wujudnya amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari perspektif pelajar. Mereka memberi pandangan yang positif terhadap amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah.

Oleh itu, secara kesimpulannya berdasarkan bukti sebahagian kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan permasalahan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab masih lagi perlu kepada kajian yang berterusan. Pelbagai dimensi kajian telah dijalankan dengan terarah dan dinamik bagi mencapai dapatan yang memberi impak kepada pelbagai pihak. Justeru, pengkaji mengambil inisiatif mengkaji tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK di Malaysia sebagai melengkapi kajian-kajian sebelum ini. Hal ini kerana, pelaksanaan p&p bahasa Arab melibatkan pelbagai dimensi antaranya; melihat kepada kecekapan guru dalam memindahkan ilmu ke arah kemenjadian pelajar. Walau apa dan bagaimana kajian itu dijalankan bertitik tolak kepada permasalahan dan isu-isu yang timbul ke arah penambahbaikan bagi memenuhi dan menyokong arus transformasi pendidikan negara.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Menenalpasti tahap kompetensi guru Bahasa Arab di SABK Semenanjung Malaysia.
2. Menilai kompetensi guru-guru bahasa Arab di SABK Semenanjung Malaysia.



## SOROTAN LITERATUR

Dalam konteks pendidikan, kompetensi merupakan suatu ukuran yang ditetapkan bagi seseorang guru dalam menguasai pelbagai peringkat kompetensi yang diperlukan untuk memenuhi aspirasi pelajar dan masyarakat. Guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan. Guru juga adalah pelaksana segala dasar dan matlamat kurikulum. Tanpa penglibatan dan sokongan guru, segala perancangan pendidikan yang telah disediakan tidak dapat dilaksanakan secara sempurna. Perkembangan pendidikan bahasa Arab juga memerlukan kualiti pengajaran guru kerana keperluan semasa dalam sektor pendidikan semakin hari semakin berkembang selari dengan teknologi. Guru dan pengajaran yang berkesan sangat penting untuk mendapatkan pembelajaran yang baik (Noor Hisham Md Nawi, 2011). Manakala menurut Awang Had (1998), satu teori lazim dalam pendidikan ialah kualiti guru terletak pada kompetensi guru dan guru pula menentukan kualiti dan pencapaian murid dalam pembelajaran. Begitu juga kenyataan yang dikeluarkan oleh KPM, 2006 yang menunjukkan bahawa hanya mereka yang mempunyai kualiti, ketrampilan, kewibawaan, kelayakan, minat, iltizam dan berjiwa pendidik layak menjadi guru. Justeru dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, Noorshamshinar(2017) menyatakan terdapat lima (5) domain kompetensi sebagai keperluan kepada guru-guru bahasa Arab iaitu pedagogi, kurikulum, penilaian, profesionalisme dan bahasa. Aspek-aspek dan ciri-ciri yang terdapat dalam setiap kompetensi tersebut mampu menjadi kayu ukur penentuan tahap kebolehan, keupayaan dan kecekapan seseorang guru bahasa Arab.

Instrumen pengukuran khusus bagi guru bahasa Arab masih lagi menggunakan instumen umum. Maka, Zamri Ariffin(2014) dalam kajiannya mencadangkan dimensi untuk pengukuran guru bahasa Arab di Malaysia juga melibatkan penglibatan beberapa dimensi secara serentak. Dimensi tersebut ialah dimensi kelayakan guru, dimensi karakter guru, dimensi amalan guru dan dimensi output pelajar. Pengukuran kualiti guru bahasa Arab hendaklah melibatkan keempat dimensi ini secara bersama. Dengan gabungan empat (4) dimensi ini, pengukuran kualiti guru bahasa Arab telah menggunakan kedua-dua konsep *good teacher* dan *affective teacher*. Sudut penilaian guru yang baik dicerap samada dari sudut pengetahuannya, latihan perguruan yang diterima, sijil-sijil yang diperolehi, kelakuannya, amalan pengajaran dan lain lain aspek yang berkaitan langsung dengannya. Dalam erti kata yang mudah, guru bahasa Arab yang berkualiti tinggi ialah guru yang mempunyai kelengkapan diri dalam bidang pengajaran. Manakala *affective teacher*. Merujuk kepada kesan dalam pengajaran seringkali merujuk kepada perubahan yang berlaku kepada pelajar yang dianggap sebagai sasaran sesebuah pendidikan. Dalam konteks ini, guru bahasa Arab yang berkualiti tinggi ialah guru yang berkemampuan mencorak peningkatan dalam pengetahuan atau kemahiran pelajar setelah melalui proses pembelajaran bahasa Arab bersamanya.

Kajian yang dijalankan oleh Nazri Atoh et.al (2014) berkaitan guru bahasa Arab berkualiti mendapati bahawa antara ciri-ciri professional seorang ialah opsyen pengajian guru mestilah bahasa Arab, guru mestilah mempunyai pendidikan tentang perguruan, atau sekurang-kurangnya pernah berpraktikum di sekolah. Selain daripada itu, medium penyampaian P&P mestilah 80% dalam bahasa Arab, serta pembelajaran dan pengajaran yang menarik dan berkesan serta cakna dengan persekitaran pembelajaran.

Secara kolektifnya, tinjauan fakta dan dapatan kajian yang telah dijalankan sebelum ini berfokus kepada matlamat yang sama untuk melahirkan guru bahasa Arab yang berkompentensi. Tujahan dan pemilihan responden kajian berbeza mengikut keperluan. Walaubagaimanapun, adalah diharapkan kajian-kajian yang telah dan bakal dijalankan oleh pengkaji dapat

menghasilkan dapatan yang praktikal dan memberi impak terhadap pembangunan pendidikan bahasa Arab di Malaysia khususnya dan arus pendidikan perdana di Malaysia amnya.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan rekabentuk kuantitatif bagi tujuan melihat kompetensi guru-guru bahasa Arab di SABK. Data kajian dikumpulkan melalui soalan ujian kompetensi manakala dapatan dihurai secara deskriptif bagi menerangkan tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK di empat buah zon di Semenanjung Malaysia. Kesahan ini juga melihat kepada sejauh mana item yang dibina itu berupaya menguji apa yang perlu diuji berdasarkan objektif dan matlamat kajian (Ghazali, D. & Sufean, H., 2016).

Dalam menentukan kesahan instrumen kajian, dua jenis kesahan instrumen telah digunakan iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan. Beberapa orang pakar yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luas dalam membina instrumen telah dipilih bagi menentukan kesahan berkenaan ketepatan penggunaan bahasa, ejaan dan sebagainya mengikut laras bahasa yang difahami responden kajian. Seterusnya, kesahan item-item yang terdapat di dalam instrumen juga turut di ambil kira. Item-item dinilai dan dipastikan agar dapat mewakili semua konstruk yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Dalam kajian ini, instrumen soalan ujian dinilai menggunakan *Alpha Cronbach* untuk menentukan nilai kebolehpercayaan kesemua item yang terdapat dalam konstruk kajian. Nilai *alpha* 0.65 – 0.95 memiliki kebolehpercayaan yang tinggi kerana menghampiri nilai *alpha* 1.00 manakala item yang memiliki nilai *alpha* < 0.60 menunjukkan tahap kebolehpercayaan di tahap yang rendah. Dalam kajian ini, nilai *alpha* yang diperolehi bagi keseluruhan item dalam instrumen adalah = .945. Ini menunjukkan instrumen memiliki kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan sebagai instrumen dalam kajian sebenar.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen soalan ujian yang dibangunkan oleh pengkaji berdasarkan kerangka *National Centre For Assessment in Higher Education*. Soalan ujian yang dibangunkan ini lebih menguji kepada tahap kompetensi professional guru kerana soalan ujian hanya berfokus kepada tatabahasa Arab bagi menilai kompetensi pengetahuan guru. Pemilihan soalan ujian yang dibangunkan berfokus kepada pengetahuan guru dalam tatabahasa adalah sebagai kunci kepada pengetahuan asas dan utama yang perlu dikuasai oleh guru bahasa Arab yang mengajar al-Arabiah al-Muasirah (LAM) di SABK.

## Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan kajian yang dijalankan ke atas responden yang mempunyai ciri yang sama dengan populasi kajian sebenar (Chua, 2014). Rintis juga dijalankan dengan tujuan untuk mengesahkan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian (Faizal Amin, Ruhizan, Ridzwan, & Mohd Bekri, 2014). Fasa pertama melibatkan kajian rintis yang dijalankan secara manual dan atas talian. Guru-guru yang terlibat dalam kajian rintis ini adalah guru yang mengajar LAM dari empat buah sekolah di Selangor iaitu Sekolah Agama Menengah Sungai Merab Luar, Sekolah Agama Menengah Batu 10, Sekolah Agama Menengah Bandar Baru Salak Tinggi dan Sekolah Agama Menengah Bestari serta sebuah sekolah di Perak iaitu Sekolah Raja Perempuan Taayah. Kajian rintis ini mula dijalankan pada tarikh 16 Julai hingga 2 Ogos 2018.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Pendahuluan


Bab ini akan membentangkan dapatan kajian awal yang dijalankan di SABK sekitar zon tengah, utara dan selatan.

### Latar Belakang Guru Bahasa Arab SABK

Kajian awal ini telah melibatkan 20 orang guru bahasa Arab di SABK. Data mengenai taburan para responden adalah seperti berikut:

#### *Jantina*

**Rajah 1: Jantina**




**Jantina**

	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	9	45%
Perempuan	11	55%
<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>	<b>100%</b>

Dalam kajian awal ini, seramai 20 orang guru SABK telah terlibat di mana 9 orang responden (45%) adalah guru lelaki dan 11 orang responden (55%) adalah guru perempuan.

#### *Zon Sekolah*

**Rajah 2: Zon Sekolah**





Taburan responden berdasarkan zon sekolah pula menunjukkan seramai 1 orang responden (5%) dari Utara, 16 orang responden (80%) dari Selangor, 1 orang responden (5%) dari Selatan, dan *missing data* sebanyak 2 orang responden (10%).

### Soalan Ujian

Bagi mengenal pasti tahap kompetensi guru Bahasa Arab SABK, data kajian rintis telah dianalisis secara deskriptif. Skor dan peratus pencapaian responden kemudiannya dikategorikan mengikut gred A, B, C, D, E dan F. Berikut merupakan skor dan peratus pencapaian bagi setiap responden kajian rintis berdasarkan gred.

**Jadual 1: Skor dan peratus pencapaian responden berdasarkan gred**

KEPUTUSAN				GRED		
	Skor	Peratus	Gred		Kekerapan	Peratus
R1	45	80	B	A	3	15
R2	33	59	D	B	9	45
R3	40	71	B	C	1	5
R4	17	30	E	D	4	20
R5	16	29	F	E	1	5
R6	36	64	C	F	2	10
R7	50	89	A	Jumlah	20	100
R8	53	95	A			
R9	48	86	A			
R10	40	71	B			
R11	42	75	B			
R12	45	80	B			
R13	43	77	B			
R14	44	79	B			
R15	12	21	F			
R16	45	80	B			
R17	30	54	D			
R18	27	48	D			
R19	28	50	D			
R20	39	70	B			
<b>Min</b>	<b>36.7</b>	<b>65.4</b>	<b>C</b>			

Berdasarkan kepada Jadual 7.3, kekerapan gred paling tinggi adalah B iaitu seramai 9 orang guru, seterusnya ialah gred D seramai 4 orang guru, gred A seramai 3 orang guru, gred F seramai 2 orang guru, gred C dan D masing-masing seorang guru. Min skor adalah 36.7 manakala min peratus ialah 65.4%, iaitu gred C. Ini menunjukkan bahawa tahap kompetensi guru bahasa Arab SABK berada pada tahap sederhana. Namun begitu, terdapat 2 orang guru mendapat gred F, iaitu gagal (10%). Guru yang gagal ini adalah kategori guru praktikal yang baru berkhidmat di sekolah terlibat.

Oleh itu, berdasarkan dapatan daripada tinjauan awal yang dilakukan melalui kajian rintis ini mendapati tahap kompetensi guru Bahasa Arab di SABK terpilih adalah berada pada tahap sederhana. Manakala kekerapan paling tinggi dalam kalangan 20 orang guru yang diuji adalah berada pada gred C dengan nilai 65.4%. Dapat dirumuskan hasil daripada dapatan tinjauan awal ini menjadi penanda aras kepada penambahbaikan dan cadangan kepada guru-guru bahasa Arab merangkumi beberapa perkara yang masih dibincangkan antaranya adalah;

**i) Kompetensi dan kualiti guru dalam penguasaan bahasa,**

Guru bahasa Arab mempunyai tanggungjawab yang besar dalam dimensi tersendiri bagi mengekalkan dan mengembalikan pendidikan bahasa Arab setaraf dengan keistimewaan dalam sistem pendidikan negara dan budaya masyarakat majoriti Malaysia. Kejayaan menongkah cabaran dan memikul amanah besar ini terletak pada kompetensi dan kualiti guru bahasa Arab yang sedia ada sekarang ini. Sebagaimana dalam kajian Al Muslim Mustapa&Zamri Arifin (2015), mencadangkan dimensi untuk pengukuran guru bahasa Arab di Malaysia juga melibatkan penglibatan beberapa dimensi secara serentak. Dimensi tersebut ialah dimensi kelayakan guru, dimensi karakter guru, dimensi amalan guru dan dimensi *output* pelajar. Pengukuran kualiti guru bahasa Arab hendaklah melibatkan keempat dimensi ini secara bersama. Sebagai pelengkap, satu kajian lain dicadangkan melibatkan beberapa kelompok sasaran dengan tujuan memperincikan lagi dimensi yang dicadangkan. Oleh itu, kajian ini berfokus dengan lebih khusus kepada tahap kompetensi guru bahasa Arab yang mengajar LAM di SABK. Perincian dimensi penguasaan bahasa dalam kalangan guru hanya diuji tahap penguasaan tatabahasa sahaja. Dimensi ini spesifik kepada penguasaan tatabahasa kerana pembelajaran nahu dalam mana-mana bahasa di dunia merupakan mukadimah yang sangat penting untuk membetulkan penggunaan bahasa. Ia juga sebagai kayu ukur kepada tahap profesional guru bahasa Arab. Kajian ini juga diharap dapat membina kerangka dimensi pengukuran bahasa Arab ciri-ciri tempatan dan spesifik agar sebuah modul yang sesuai dengan konteks Malaysia dapat diketengahkan.

**ii) Isu dan masalah pengajaran nahu dalam kalangan guru.**

Guru harus menguasai bidang pengajaran bahasa secara lebih menyeluruh dan harus memahami secara jelas bahawa pengajaran nahu adalah antara aspek terpenting dalam proses pengajaran bahasa yang berkesan. Menurut Mat Taib Pa (2016); guru merupakan antara elemen terpenting dalam proses pengajaran kerana merekalah yang melaksanakan pengajaran secara hakiki dan dihadapi oleh pelajar secara langsung. Kadang-kadang kelemahan yang terdapat pada kurikulum dan buku teks serta kelemahan pelajar, dapat diatasi oleh guru yang baik dan berkesan. Pada dasarnya, semakin luas pengalaman seseorang guru semakin berkesan pendekatan yang digunakannya. Kepakaran guru dalam bidang yang diajar sangat penting. Tahap kepakaran yang diperlukan adalah bergantung kepada peringkat yang diajar. Ia berkait rapat dengan pengalaman, kursus-kursus yang diikuti dan kesungguhan guru. Ia turut dikaitkan dengan pengkhususan guru.

**iii) Cabaran guru.**

Cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab juga dikenalpasti bagi menambahbaik kajian ini. Sebagaimana dinyatakan oleh Nor Aziah et. al (2017) antara cabaran guru adalah penggunaan bahan bantu mengajar. Kesilapan guru yang memilih kaedah dan teknik yang tidak sesuai juga menjadi penyumbang kepada kelemahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pemilihan teknik dan strategi juga perlu diberi perhatian utama oleh guru. Hal ini kerana guru dilihat lebih selesa mempraktikkan teknik syarahan di dalam kelas (Maimun Aqsha Lubis et al., 2014; Fahrurrozi, 2014). Pelaksanaan kaedah dan teknik baharu yang lebih segar penting untuk memastikan fokus dan perhatian pelajar terhadap pengajaran akan bertambah (Mustari et al., 2012). Seterusnya, sikap guru juga menyumbang terhadap kelemahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kajian Gamal Abdul Nasir Zakaria et al. (2015) menyebut ada di kalangan guru yang tidak berminat untuk

membawa perubahan dalam pengajaran bahasa Arab. Memandangkan kejayaan seorang pelajar adalah kayu ukur kepada tahap keupayaan guru dalam melaksanakan tugas mereka dalam bilik darjah, sudah semestinya guru tidak memiliki sikap yang negatif.

## **KESIMPULAN**

Oleh itu, secara kesimpulannya dapat dinyatakan hasil daripada tinjauan awal yang dilakukan ke atas sebahagian daripada guru-guru bahasa Arab di SABK terpilih didapati tahap kompetensi masih perlu diperbaiki dan dipertingkatkan. Kompetensi dan kualiti guru dalam penguasaan bahasa sangat dominan terhadap semua dimensi yang diperlukan oleh guru. Hal ini kerana sebagai guru bahasa Arab, professional dan kelayakan adalah pada dimensi bahasa yang mesti berada pada tahap utama berbanding dimensi-dimensi lain. Penguasaan guru bahasa Arab dalam tatabahasa yang tinggi mampu meletakkan guru bahasa Arab merentas semua bidang pengajaran. Khususnya guru-guru di SABK yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu dini (KBD). Manakala isu dan masalah pengajaran nahu dalam kalangan guru, dicadangkan agar diwujudkan sistem mentoring dalam kalangan guru pakar dan guru novis. Pelaksanaannya seperti; guru pakar akan menjadi mentor kepada guru novis di sekolah bagi melatih dan membimbing serta menyumbang kepakaran dalam subjek bahasa Arab secara khusus. Perkongsian daripada guru-guru yang telah mengikuti latihan-latihan peningkatan dan pemantapan p&p bahasa Arab juga perlu berlaku bagi menyampaikan maklumat secara kolektif dan afektif. Cabaran guru bagi mendidik generasi alpha dewasa kini perlu seiring dengan era revolusi 4.0. Justeru, penggunaan bahan bantu mengajar perlu sesuai dengan perubahan generasi tanpa mengabaikan isi kandungan, objektif utama dan hasil pembelajaran. Bahan bantu mengajar seharusnya bersifat teknologi baharu dan pembelajaran beradun. Pemilihan kaedah, strategi dan teknik pengajaran juga memberi impak kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Guru perlu berbincang dan berkongsi sesama kalangan guru untuk memilih strategi dan teknik sesuai dengan tahap dan kemampuan pelajar. Sikap guru yang positif dan optimis juga perlu sebagai kayu ukur kepada karakter guru. Guru perlu cakna dan peduli kepada keperluan dan kehendak pelbagai pihak dalam usaha melahirkan kemenjadian murid dan pelajar. Justeru, dapatan kajian awal tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK ini diharapkan dapat menambahbaik dan memurnikan kompetensi guru bahasa Arab dalam melaksanakan KBD. Kompetensi bukan diukur untuk menentukan berjaya atau gagal seseorang guru, tetapi ia sebagai kayu ukur bagi melahirkan seorang guru professional dan pakar dalam bidang p&p merangkumi semua aspek dan dimensi.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Kilani Mohamed (2001) Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Skudai. Johor Darul Ta'zim
- Al Muslim Mustapa & Zamri Arifin (2015), Penentuan Dimensi Kualiti Guru Bahasa Arab di Malaysia, *ISLAMIYYAT* 37(1) 2015: 49 – 57
- Awang Had Salleh. (1998). Latihan perguruan untuk sekolah berkesan. Pembentangan dalam Seminar JPPG 1998: Pendidikan Guru Untuk Sekolah Berkesan, Universiti Malaya.
- Chua, Yan Piaw. (2014). Kaedah Penyelidikan Edisi Ketiga. Shah Alam, Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.

- Fahrurrozi, A. (2014). Pembelajaran Bahasa Arab : Problematika Dan Solusinya. Arabiyat, 1(2), 161–180. <https://doi.org/10.15408/a.v1i2.1137>
- Faizal Amin, N.Y., Ruhizan, M.Y., Ridzwan, C. R., & Mohd Bekri, R. (2014). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Pemanduan Pembelajaran berdasarkan Pendekatan Model Rasch : Kajian Rintis. *First Technical and Vocational Education International Seminar 2014*, (Tveis), 1–9. <https://doi.org/10.13140/2.1.2655.9686>
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle, & Aliff Nawati. (2015). Kajian Amalan Pengajaran Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam. *Q-jIE The Online Journal of Islamic Education*, 3(1), 32–40
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2002). Kertas dasar kurikulum semakan bahasa Arab komunikasi & bahasa Arab tinggi di sekolah menengah. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2007). Status terkini dan penyelarasan tugas Mengurus Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Kertas kerja Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Antara Kementerian Pelajaran Malaysia Dan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Hotel Quality, Kuala Lumpur. 15 Mei 2007.
- Jhon Helmi, M.P (2015). Kompetensi Profesionalisme Guru. *Al-Ishlah Jurnal Pendidikan*. Vol 7 NO.2.318-336
- Maimun Aqsha Lubis et. al(2014), Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(1)(2014): 51-61
- Mat Taib Pa (2016), Isu Pembelajaran Dan Pengajaran Nahu Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Dan Cara Menanganinya, Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa Arab 2016(PABA), ISBN 978-967-0380-88-9, 38-58.
- Mohammed Sani Ibrahim. et.al. (2015). Strategi implementasi pelan pembangunan pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mustari, M. I., Azmi, K., Azhar, J., Yahya, M. R., Jasmi, K. A., Muhammad, A., & Yahya, R. (2012). Model Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Johor Bahru on*, 8(1987), 867–878. Retrieved from [http://eprints.utm.my/40070/1/Cover %26 Paper. pdf](http://eprints.utm.my/40070/1/Cover%26Paper.pdf)
- Nazri Atohi et.al(2014), Guru Bahasa Arab Yang Berkualiti: Satu Tinjauan Awal, Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014, ISBN 978-967-5478-78-9.
- Noor Hisham Md Nawati. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran, UKM
- Nor Aziah Jema'on et.al (2017), Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab: Masalah dan Cabaran, *International Journal Of Religion Research In Education*. Volume 1, Number 2, 2017, 65-72
- Noor Shamshinar binti Zakaria et.al(2017), Kompetensi Guru Bahasa Arab Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia, Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK 2017), ISBN 978-967-0850-93-1, KUIS
- Unit Perancang Ekonomi. (2010). Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015. Putrajaya.
- Zamri Arifin & Al Muslim Mustapa (2014), Kualiti Guru Bahasa Arab Dalam Konteks Malaysia: Menangani Persoalan Asas, Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014, ISBN 978-967-5478-78-9

**MAKLUMAT PENULIS**

**AWATIF ABDUL RAHMAN**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[awatif@kuis.edu.my](mailto:awatif@kuis.edu.my)

**MOHD SHAFIE ZULKIFLI**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[mohdshafie@kuis.edu.my](mailto:mohdshafie@kuis.edu.my)

**MUHAMMAD HASHIMEE**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[muhammad@yahoo.com](mailto:muhammad@yahoo.com)

**AINON WAZIR**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[aaiwaz@yahoo.com](mailto:aaiwaz@yahoo.com)

**MUAFAH SAYED**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[muzaiha@yahoo.com](mailto:muzaiha@yahoo.com)

